

Remaja tersepit rentung

Kereta dipandu bertembung lori sebelum terbakar

Sinar 27/5/2011 MAS 20

NORFARAHAH OTHMAN

BENTONG – Seorang remaja maut dalam kemalangan di Kilometer 16.1 Jalan Bentong-Raub berhampiran Felda Lurah Bilut dekat sini kira-kira jam 1.30 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Rosli Abdul Rahman, berkata, mangsa, K Thinakaran, 21 dari Rawang Selangor, memandu seorang diri dari arah Raub menghala ke Bentong.

Menurutnya, ketika di tempat kejadian kereta jenis proton Saga dipandu mangsa dipercayai bertembung dengan sebuah lori membawa muatan bahan binaan dari arah Kuala Lumpur ke Kota Baharu.

"Akibat pertembungan itu, kedua-dua kenderaan terjunam ke dalam lembah di bahagian kiri jalan menghala



“Akibat pertembungan itu, kedua-dua kenderaan terjunam ke dalam lembah di bahagian kiri jalan menghala ke Bentong sebelum terbakar.”

Rosli

ke Bentong sebelum terbakar. "Pemandu dan kelindan



Anggota bomba dan penyelamat sedang berusaha mengeluarkan mangsa.

lori sempat menyelamatkan diri dengan melompat keluar dari kenderaan manakala

mangsa yang tersepit rentung di bahagian tempat duduk pemandu," katanya kepada Sinar

Harian.

Rosli berkata, anggota bomba dan penyelamat

mengambil masa lebih kurang 20 minit untuk mengawal api sebelum mengeluarkan mangsa yang tersepit di peha ke bawah.

Menurutnya, satu jam diambil untuk mengeluarkan mangsa yang tersepit memandangkan keadaan depan kereta yang terhempap pada bahagian hadapan lori dan muatannya.

"Mangsa kemudiannya di bawa ke Hospital Bentong untuk dibedah siasat dan keluarga mangsa dihubungi untuk membuat pengecaman.

"Mayat mangsa kemudiannya dituntut keluarga petang semalam untuk disemadikan," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, pemandu dan kelindan lori sudah diambil keterangan dan kes kemalangan ini disiasat di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.